

Headline	FRIM tawar khidmat nasihat		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 Mar 2018	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	7	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	152 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,004
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,013



FRIM tawar khidmat nasihat

KUALA LUMPUR 6 Mac - Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) sedia menawarkan khidmat nasihat, perundingan teknikal dan latihan dalam pengurusan pokok bagi mengurangkan kes kejadian pokok tumbang di negara ini.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, FRIM mempunyai kepakaran dan teknologi terkini bagi membantu dan melatih kakitangan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan kontraktor yang dilantik

untuk menjalankan pemeriksaan serta penyelenggaraan berkala dengan lebih sistematik dan mengikut amalan best aboriculture.

"FRIM sedia bantu PBT yang berhasrat mengenal pasti risiko pokok di kawasan masing-masing."

"FRIM juga sedia bekerjasama dengan mana-mana PBT dalam menganjurkan bengkel dan seminar pengurusan pokok di kawasan bandar," katanya dalam sidang akhbar di Parlimen di sini, hari ini.

Mengulas mengenai insiden

pokok tumbang sehingga menghempap dua penunggang motosikal semalam, Wan Junaidi berkata, tumbuhan itu dipercayai berusia lebih 60 tahun dan berada dalam ruang pertumbuhan yang sempit di kawasan pembangunan pesat.

"Oleh itu, pemeriksaan berkala sekurang-kurangnya tiga atau enam bulan sekali amat penting dilakukan oleh arboris atau pekerja yang dilatih oleh mereka yang bertauliah," katanya.

Kata beliau, penggunaan teknologi baharu dalam aborikultur seperti alat sonik tomograf untuk mengesan reput bahagian batang pokok membantu mengenal pasti pokok berbahaya dengan lebih berkesan.



**WAN JUNAIDI
TUANKU JAAFAR**